

ARUS GERAKAN ISLAM DI KALANGAN WANITA
DAN HUBUNGANNYA DENGAN ADAT PERPATIH.
KAJIAN DI DAERAH JEMPOL,
NEGERI SEMBILAN

ROHANI BINTI HAJI DAHARUN

LATIHAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA PENGAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PENGAJIAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

SESI 1991 / 1992

ARUS GERAKAN ISLAM DI KALANGAN WANITA
DAN HUBUNGANNYA DENGAN ADAT PERPATIH.
KAJIAN DI DAERAH JEMPOL,
NEGERI SEMBILAN

ROHANI BINTI HAJI DAHARUN

LATIHAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA PENGAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PENGAJIAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

SESI 1991 / 1992

BAB II

WANITA: SATU PENGENALAN RINGKAS

2.1 Peranan Wanita Secara Umum

Allah s.v.t telah menjadikan manusia dari jenis lelaki dan wanita yang berlainan keadaan fizikal, kecenderungan dan kekuatan tetapi saling memerlukan antara satu dengan lain¹. Allah berfirman:

الرجال قوامون على النساء بما فضل الله بعضهم
على بعض وبما انفقوا من اموالهم²

Kaum lelaki itu pemimpin bagi kaum wanita disebabkan Allah telah melebihkan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain dan kerana lelaki telah menafkahkan harta mereka.

Secara fitrah, kaum wanita telah dikurniakan sifat-sifat dan pervatakan lemah lembut serta memerlukan perlindungan. Namun begitu, mereka mempunyai pengaruh dan peranan yang tersendiri.

1

Khamisah Ahmad, Wanita Islam (Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1985), hlm. 12

2

Al-Qurān, Surah al-Nisā', 4:34.

Wanita merupakan aset terpenting dalam pembinaan generasi manusia. Tanggungjawab yang perlu mereka laksanakan tidak kurang bezanya dengan peranan kaum lelaki. Meskipun peranan terbesar kaum wanita ialah sebagai isteri dan ibu yang bertanggungjawab terhadap rumahtangga dan pendidikan anak-anak, namun tugas sebenar wanita tidak hanya terbatas di situ sahaja. Dalam menghadapi dunia yang kian maju ini, wanita juga berperanan sebagai agen perubah struktur sosial, ekonomi dan apa sahaja di dalam masyarakat.

Seluruh dunia telah mengakui bahawa wanita abad ke 20 ini telah melalui banyak perubahan. Secara kasar, wanita kini semakin mencapai hasrat untuk dihormati oleh masyarakat seperti mana masyarakat menghormati lelaki.¹ Bukan menjadi suatu perkara yang menghairankan apabila dunia digegarkan dengan suasana politik negara yang dipimpin oleh wanita seperti di Britain, Sri Lanka dan Filipina. Begitu juga, di sebalik kejayaan seorang pemimpin lelaki, terdapat di belakangnya seorang wanita atau isterinya. Wanita hari ini mahukan mereka berjalan seiring dengan lelaki dalam erti kata berdiri sama tinggi, duduk sama rendah.

¹ Hjh. Illani bt. Dato Isahak, "Arah Perjuangan Wanita Era Kini", Kertas Kerja Seminar Kerjaya Dan Pembentukan Personaliti Wanita (Bangi: PMUKM sesi 1990/91, pada 3 - 4hb Ogos 1991), hlm. 2

Sumbangan wanita di dalam pembangunan masyarakat dan negara semakin meningkat. Menurut bancian 1984 di mana penduduk Malaysia berjumlah 15.6 juta orang, 49.8 %¹ daripada jumlah ini ialah wanita. Ini menunjukkan bahawa jumlah wanita adalah tinggi. Oleh itu, proses guna tenaga wanita turut mengalami perubahan.

Wanita sekarang bukan sahaja bertindak sebagai sayap kiri kaum lelaki tetapi turut sama berperanan di dalam menentukan kesejahteraan dan kestabilan negara. Kaum wanita, khususnya generasi muda yang mempunyai kesedaran agama serta mendapat pendidikan yang tinggi telah meletakkan diri mereka bersama-sama gerakan Islam yang wujud di negara ini untuk merubah wajah masyarakat.

Dimensi perjuangan wanita masih lagi sempit dan agak terbatas. Isu-isu semasa tentang kehidupan wanita yang didedahkan secara positif atau negatif seharusnya ditangani dengan bijak oleh kaum wanita sendiri. Rasa kesedaran untuk sama-sama bertanggungjawab mempertahankan maruah wanita perlu dipupuk di dalam jiwa setiap wanita.

1

Nik Safiah Karim, Wanita Malaysia: Harapan Dan Cabaran (K Publishing & Distributors Sdn. Bhd., 1990), hlm. 19.

2.2 Wanita Adat Perpatih

Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan kerap disalahfahankan khususnya mengenai kaum wanitanya yang digambarkan sebagai perempuan yang keras perwatakannya, mengawal suami dan membolot harta¹. Kandungan Adat Perpatih itu sendiri lebih banyak memberi perhatian kepada kaum wanita yang dikatakan sebagai individu yang dibela oleh Adat Perpatih.

Kedudukan wanita masyarakat Adat Perpatih ini berbeza dengan wanita-wanita Melayu yang lain, kerana masyarakat ini menyusur-galurkan keturunan dan mengira kekeluargaan melalui nasab perempuan. Mereka juga diberi hak-hak tertentu dalam perwarisan harta. Hakikat ini pula mempengaruhi pola tempat tinggal selepas berkahwin danimbangan kekuasaan antara suami dan isteri di dalam satu-satu rumahtangga².

Fenomena ini bukanlah suatu yang statik. Arus perubahan yang berlaku di negara ini telah mempengaruhi suasana serta corak hidup wanita Adat Perpatih sekarang..

Dari sini penulis cuba membawa penumpuan melalui modenisasi dan kebangkitan Islam, melihat bagaimana

¹ Azizah Kassim, Wanita Dan Masyarakat (Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1985), hlm. 44

² Ibid, hlm. 44

perubahan yang dialami oleh kaum wanita Adat Perpatih mencapai satu perubahan ke arah merealisasikan Islam atau sebaliknya.

Pada dasarnya wanita Adat Perpatih mempunyai kedudukan istimewa. Antaranya:

- i) Keturunan dikira melalui nasab ibu
- ii) Masyarakat ini terbahagi kepada kumpulan-kumpulan kekeluargaan yang dipanggil "perut" dan "suku".
- iii) Tiap-tiap kelompok suku memiliki tanah yang dipanggil 'tanah pusaka' yang diwariskan melalui wanita.
- iv) Bila berlaku satu perkahwinan, tempat tinggal pasangan yang berkahwin adalah di rumah ibu kepada isteri.
- v) Jawatan-jawatan Adat sebagai ketua dalam kelompok kekeluargaan dipegang oleh lelaki.
- vi) Terdapat pertalian istimewa antara seorang¹ anak dengan bapa saudara sebelah ibu.

Kedudukan tersebut secara teorinya masih wujud --tapi dari segi amalan adatnya telah banyak mengalami perubahan semasa dan kurang dipraktikkan lagi. Ini bergantung kepada kemahuan individu atau keluarga yang terlibat dan tidak lagi mengikut suara atau keputusan

1.

Azizah Kassim, Wanita Dan Masyarakat, hlm. 48

ramai. Hal ini diakui oleh Puan Jeliah bt. Lihai, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Cawangan Kuala Jempol.

Kefahaman Islam juga turut mempengaruhi cara berfikir dan bertindak di kalangan kaum wanita walaupun masih terdapat golongan tua yang mempertahankan banyak adat istiadat di dalam Adat Perpatih itu. Bagi generasi muda yang sepatutnya perlu mengetahui sedikit sebanyak tentang Adat Perpatih, telah mengambil jalan mudah dengan mengikut apa yang difikirkan baik untuk mereka tanpa terikat seratus peratus dengan adat¹.

Apa yang dimaksudkan dengan adat bukan sahaja tata tertib dan peraturan lazim dan biasa yang kecil seperti memotong pusat dan mencukur rambut. Adat juga meliputi undang-undang yang bersangkutan paut dengan pentadbiran dan pemerintahan negeri. Dengan kata lain, ia juga merupakan perlembagaan negeri².

Menurut Pakcik Ujang Dohat, Adat Perpatih yang sering menimbulkan isu kontroversi di semua peringkat, sama ada golongan tua atau generasi muda, bukan hanya di Negeri sembilan sahaja. Isu kontroversi ini termasuk juga orang luar. Ini disebabkan kurangnya pengetahuan

¹ Temubual dengan Puan Jeliah bt. Lihai, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Cawangan Kuala Jempol pada 4hb. Disember 1991.

² Abd. Rahman bin Hj. Mohammad, Dasar-Dasar Adat Perpatih (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964), hlm. 20.

tentang Adat Perpatih itu sendiri. Selagi perlantikan Yang Di Pertuan Besar masih berjalan, maka selagi itu¹ Adat Perpatih tetap wujud dan utuh.

Adat perpatih ini kaya dengan perbilangan-perbilangan adat. Peraturan fundamental sama sekali tidak boleh diubah. Contohnya suasana hidup bersuku, mengira keturunan dari nasab ibu, sistem tanah pusaka seperti kata pepatah, "tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan"².

Adat Perpatih meletakkan kekuatan perpaduan mereka kepada peranan wanita. Ini bermakna 'ibu' dalam amalan Adat Perpatih adalah lambang kepada pemeliharaan keturunan supaya tidak pupus. Wanita juga diberi peranan besar dalam menjaga harta pusaka kerana ia lebih selamat di tangan wanita apabila kaum lelaki berperanan pula menjaga kaum wanita.³ Ibu juga dikatakan:

Berinduk bak ayam

Berumpun bak serai

Berjunjung bak sirih

¹ Temubual dengan Pakcik Ujang bin Dohat, Orang Kaya Menteri Suku Biduanda di Kampung Jambu Lapan pada 3hb. Disember 1991:

² Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1982), hlm. 3 - 4.

³ Majalah Ibu, Februari 1992, hlm. 59.

Adat itu sendiri tidak semestinya kekal tidak berubah-ubah. Ia boleh berubah mengikut keadaan masa dan disesuaikan mengikut suasana masyarakat tempatan seperti yang ditegaskan:

Usang-usang diperbaharui
 Kalau koyak minta ditampal
 Kalau pendek minta disambung
 Syarak mengata adat mengikut
 Ibu adat muafakat.

Adat pervarisan tanah kepada anak-anak perempuan dibuat secara sama rata. Rasional memberi harta yang lebih kepada wanita adalah atas andaian bahawa wanita¹ itu lemah dan pendek usahanya.

Walaupun dalam hal penjagaan harta, keistimewaan diberikan kepada kaum wanita, namun begitu hukum faraid terhadap pembahagian harta pusaka tertentu dijalankan juga.

2.2.1 Kerjaya Dan Aktiviti

Kerjaya merupakan pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang dan orang itu bergantung kehidupan dengan pekerjaannya itu. Bagi umat Islam yang beriman, ikhlas, taqwa dan berjihad, kerjaya mereka adalah bersama

¹

Azizah Kassim, Wanita dan Masyarakat, hlm. 50

gerakan dan perjuangan Islam.. Jamaah adalah tempat bermulanya kerjaya seseorang pejuang.

Untuk wanita solehah, susunan kerjaya mereka antaranya ialah dengan Allah dan RasulNya, suami dan anak-anak, keluarga (ibu bapa), pekerjaan dan jamaah¹.

Tugas dan tanggungjawab kaum wanita era kini bukan setakat mengurus rumahtangga sepenuh masa tetapi turut melibatkan diri dalam soal mengukuhkan ekonomi dan menyelesaikan berbagai masalah kehidupan. Memandangkan wanita kini telah menjawat pelbagai bidang kerjaya yang dahulunya dimonopoli oleh kaum lelaki, maka pandangan dan pemikiran wanita tidak seharusnya diketepikan. Wanita kini lebih berani bersuara dan berinteraksi khususnya dari kalangan yang bekerja dan berorganisasi.

Penyebaran maklumat melalui media-massa dan alat komunikasi yang terkini telah membuka minda kaum wanita supaya lebih aktif di dalam semua bidang. Ini menjadikan mereka tidak lagi merasa terasing dengan segala perubahan yang berlaku. Arus kehidupan seumpama ini telah banyak memberi peluang untuk kaum wanita memiliki kerjaya dan melibatkan diri dengan aktiviti sosial. Sudah tidak asing lagi sekarang ini apabila ada wanita yang terlibat secara aktif dengan aktiviti di luar rumah.

¹

Majalah Muslimah, Julai 1991, hlm. 34.

Bidang keusahawanan contohnya, sudah mula ditekankan oleh kaum wanita Daerah Jempol walaupun secara kecil-kecilan atau hanya sebagai tugas sampingan membantu suami. Minat untuk berniaga dan berdikari semakin menular di hati mereka. Pekan Bahau merupakan pekan terbesar di daerah ini. Ia merupakan tempat wanita Daerah Jempol ini mengasah bakat serta minat berniaga. Selain daripada Pekan Bahau, kawasan rancangan FELDA juga merupakan medan untuk wanita berniaga.

Di samping itu, pekerjaan seperti guru, jururawat, tukang jahit, kerani, bidan dan pekerja kilang merupakan tugas yang tidak asing lagi di dalam kehidupan kaum wanita. Walaupun tiada statistik yang tepat atau maklumat lengkap tentang bilangan dan penglibatan kaum wanita yang bekerja di Pejabat Daerah Jempol, gambaran kasar menunjukkan mereka memberi sumbangan terhadap ekonomi keluarga dan pembangunan masyarakat.

Peringkat pencapaian dalam pendidikan merupakan pengukur untuk menilai status sosial wanita kerana kebanyakan daripada peluang memajukan diri terbuka luas dalam pelbagai profesyen. Antara faktor yang menyebabkan pertambahan kadar penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan ialah pencapaian pendidikan, berkahwin lewat, kadar kesuburan yang rendah dan penerimaan masyarakat

yang semakin meningkat terhadap wanita yang bekerja .

Penglibatan wanita sebagai agen perubahan sosio-budaya masyarakat amat jelas sekali. Kemampuan mereka untuk mewarnai atau menyampaikan mesej perjuangan semakin terserlah dan merupakan satu keperluan yang perlu diisi bersama dasar perjuangan yang benar berpandukan prinsip agama itu sendiri. Seandainya setiap kerjaya dan aktiviti yang disusun tidak memenuhi tuntutan agama maka akan berlaku berbagai-bagai kepincangan dan penyakit masyarakat akan berterusan.

Sehingga sekarang ini masih belum terdapat sumber atau maklumat yang tepat dari segi bilangan kaum muslimat yang melibatkan diri dengan gerakan Islam. Jika dilihat dari situasi kehidupan keluarga di daerah ini terdapat juga masalah penglibatan para isteri di dalam gerakan Islam. Ada di kalangan suami yang aktif dan penuh semangat memperjuangkan Islam melalui jamaah tetapi kerjasama dan penglibatan di kalangan isteri mereka amat mendukacitakan. Seolah-olah Islam itu dilihat hanya dengan pengamalan sembahyang dan puasa sahaja manakala bergerak aktif bersama jamaah Islam di dalam menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran dirasakan sebagai sesuatu yang ringan dan mudah.

1

Raja Rohana Raja Mamat, Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia Daripada Perspektif Sosial dan Undang-Undang (Kuala Lumpur: Devan Bahasa dan Pustaka, 1991), hlm. 37 - 38.

Permasalahan ini seharusnya ditanggapi secara lebih positif terutama oleh para suami. Mereka merasakan cukup sekadar diri sendiri sibuk dengan ceramah sedangkan isteri tidak pernah diberikan kesedaran dan kefahaman berpolitik. Tidak hairanlah sekiranya suami menjadi penyokong kuat parti Islam tetapi isteri memilih parti lain akibat sikap terhadap kesedaran beragama dan berpolitik itu ditafsirkan dalam bentuk yang kabur¹.

Bila memperkatakan tentang wanita dalam perjuangan Islam, maka peranan yang penting adalah membentuk keluarga Muslim dan dari unit keluarga inilah akan bermulanya kesedaran tanggungjawab terhadap memperjuangkan Islam. Perbincangan mengenai perkembangan fesyen, hiburan dan barang kemas masih menjadi tajuk utama di kalangan wanita, maka bagaimana akan dibentuk generasi seterusnya supaya memikirkan sesuatu yang lebih baik dan berharga. Maka, kesedaran Islam amat penting khususnya dalam bentuk organisasi kerana kekuatan akan lahir dari bentuk jamaah².

Memperjuangkan Islam bukanlah satu perkara yang mudah kerana terbukti di dalam sejarah bahawa Islam tertegak dengan mengalirnya darah syuhada serta air mata

¹

Majalah Muslimah, Disember 1989, hlm. 9

²

Majalah Muslimah, September 1989, hlm. 9 - 11.

balu-baluk dan anak-anak yang mereka tinggalkan. Perjuangan Islam bukan menuntut sekadar masa malah jiwa raga, pengorbanan harta dan kedudukan. Allah s.v.t menegaskan dalam firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَارَةٍ
تُنَجِّبُكُمْ مِنْ عَذَابِ أَلِيمٍ. تَوَمَّنْ بِاللَّهِ
وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ
وَأَنْفُسِكُمْ ذَلِكَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ¹

Wahai orang-orang yang beriman, mahukah Aku tunjukkan kepada kamu satu perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu dari azab yang pedih, iaitu kamu beriman dengan Allah dan RasulNya dan kamu berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa kamu. Demikian itu lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui.

Proses demokrasi di negara ini amat menuntut agar kaum wanita melibatkan diri secara serius dengan suasana politik dan pilihanraya. Perkembangan semasa dalam dunia politik memerlukan kebangkitan satu generasi yang lebih komited dengan keadilan dan kebenaran. Seharusnya kerjaya wanita dalam bidang politik bukan setakat melakukan kerja-kerja yang dianggap ringan, seperti merayu undi tetapi di tangan mereka juga terletak amanah menentukan kepimpinan kerana 50 % pengundi adalah terdiri dari wanita.

¹

Al-Qurān, Surah al-Saf, 61:10 - 11

Sudah ada segolongan wanita Malaysia yang menjadikan politik sebagai kerjaya mereka. Ada yang menjadi menteri, timbalan menteri, wakil rakyat dan lain-lain jawatan yang berkait langsung dengan politik. Hajjah Illani Dato Isahak menjelaskan bahawa sebagai golongan perintis wanita perlu bekerja kuat dan tidak gentar menghadapi cabaran¹.

Penglibatan dalam politik datangnya dalam berbagai bentuk. Menyertai parti politik dan aktif dalam pilihanraya bukanlah satu-satunya cara berpolitik. Tidak semua orang mampu dan berminat dengan kegiatan politik kepartian. Mereka yang mampu dan berminat seharusnya terlibat dalam politik kepartian kerana khidmat mereka dalam bidang ini amat diperlukan. Maka, wanita secara khusus perlu mengambil perhatian terhadap isu-isu yang bukan sahaja melibatkan soal mereka tetapi juga mengenai persoalan sejagat.

Bagi aktiviti langsung dan menyeluruh bagi menangani isu-isu semasa, saluran yang sesuai adalah parti politik. Ini kerana parti politik bukan sahaja boleh membantah tetapi juga boleh menyertai pilihanraya. Sebagai orang perseorangan, wanita atau muslimat hanya terlibat dalam pilihanraya melalui pembuangan undi tetapi dengan penyertaan dalam parti politik, ia

¹

Majalah Muslimah, Februari 1992, hlm. 52.

membolehkan mereka berkempen, bersedia untuk pilihanraya¹ dan merancang bagi menghadapi pilihanraya .

Gerakan muslimat khususnya di daerah ini memerlukan satu perubahan bukan setakat untuk keperluan di kawasan tetapi juga di negeri malah di peringkat antara-bangsa. Penglibatan muslimat di dalam pilihanraya agak dingin dan kekurangan tenaga kerja menjadikan suasana lembab dan kurang bersemangat. Dari sini dapat diambil perhatian bahawa pergerakan muslimat khususnya di dalam parti politik amat kekurangan, bukan sahaja masalah untuk melahirkan tenaga kerja tetapi amat bermasalah dari sudut kepimpinan bervibawa dan berpendidikan tinggi.

Kekurangan muslimat yang bergiat cergas dari institusi pengajian tinggi mengakibatkan suasana perubahan yang ingin dibina oleh masyarakat setempat bersama gerakan Islam mengalami ketandusan pimpinan yang boleh menarik minat dan merubah cara berfikir masyarakat. Ini adalah disebabkan masyarakat kampung masih meletakkan kepercayaan dan rasa hormat terhadap mereka yang berada di universiti atau yang berpendidikan tinggi.

¹

Majalah Muslimah, Disember 1989, hlm. 13 - 14.

2.2.2 Kefahaman Terhadap Islam

Ajaran Islam yang diamalkan oleh kebanyakan masyarakat di Daerah Jempol meliputi amalan fardu 'ain dan fardu kifayah. Kefahaman mereka di dalam menunaikan tuntutan tersebut memang tidak terlepas dari kehidupan mereka. Kaum wanitanya turut mengalami perubahan khususnya di dalam masalah penutupan aurat. Bertudung kepala telah menjadi amalan semua peringkat hasil dari pengaruh persekitaran dan pendidikan yang diterima.

Jelas dalam hal ini amalan fardu 'ain seperti sembahyang, puasa dan lain-lain ibadah biarlah bukan menjadi suatu yang asing. Namun begitu masih juga terdapat masalah sosial seperti pergaulan bebas, memakai tudung kepala hanya sebagai fesyen sahaja. Amalan menutup aurat ini bukan di atas dasar rasa insaf menghayati Islam tetapi terikut-ikut dengan suasana Islam yang ingin diamalkan oleh sebahagian masyarakat. Walau bagaimanapun masih ada segelintir tenaga yang sedar tentang permasalahan yang dihadapi tetapi tidak ramai yang terjun secara serius untuk cuba mengatasi dan menyelesaikan segala permasalahan yang ada¹.

1

Temubual dengan Rosenadiyah bt. Za'nuddin, Setiausaha Dewan Muslimat PAS Negeri Sembilan pada 4hb. Disember 1991.

Pemikiran Islam di kalangan Muslimat mula bertapak di kalangan kaum ibu dalam lingkungan umur 30-an yang tinggal di kawasan tanah rancangan. Kesedaran terhadap pentingnya perlaksanaan Islam di dalam menangani masalah negara telah mula diperbincangkan melalui usaha mengadakan usrah-usrah sesama kaum ibu yang telah sedar. Ini adalah disebabkan adanya sebilangan tenaga muslimat dari luar Negeri Sembilan yang sanggup berkorban membawa perubahan pemikiran sesama jiran mereka.

Tidak dinafikan walaupun wujud sekolah-sekolah agama seperti di Seriting Ulu, Kuala Jempol dan Lonek tetapi ini tidak menjamin seratus peratus anak-anak akan terdidik dengan cara hidup Islam. Perkembangan mutakhir menunjukkan bahawa ibu bapa berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama tetapi pendidikan yang mereka terima belum pasti boleh mengatasi keruntuhan akhlak pelajar Islam yang berpunca dari pengaruh media massa yang banyak menampilkan program berbentuk hiburan yang melalaikan.

Menurut laporan Polis Anti Dadah Daerah Jempol, sehingga September 1991 terdapat seramai 258 orang belia terlibat dengan dadah dan 174 orang daripadanya adalah belia Melayu ¹.

¹ Mengikut Laporan Polis Anti Dadah Daerah Jempol hasil temubual dengan En. Johari Hj. Ahmad pada 10hb. Februari 1992.

Kaum ibu yang mendapat didikan agama melalui ceramah-ceramah atau kuliah agama lebih banyak berperanan dari sudut memberi pendidikan agama kepada anak-anak dalam bentuk yang agak terbatas. Terdapat perbezaan di antara corak pendidikan kaum ibu yang pemikiran mereka dibentuk melalui corak politik UMNO dengan kaum ibu yang berpendidikan agama melalui PAS atau ABIM atau Al-Arkan dari segi amalan cara hidup seperti berpakaian, adab dan kesedaran berpolitik.

Memang agak sukar untuk melihat di sebuah kampung di dalam suasana hidup Islam yang dibawa oleh PAS. Sebagai contoh, hanya ada sebuah atau dua buah keluarga sahaja yang mempunyai fikrah Islam cara PAS. Selebihnya adalah keluarga UMNO yang memahami Islam mengikut fahaman yang dibawa oleh UMNO itu sendiri.

Terdapat juga sebahagian wanita di daerah ini yang berhijrah atau menetap terus di negeri lain atas sebab pekerjaan dan perkahwinan. Ada di antara mereka yang mengikut suami dan bergerak aktif di tempat yang mereka diani. Sumbangan tenaga atau sebagainya di tanah kelahitan mereka hanya dalam bentuk minima. Fenomena ini bukan sahaja berlaku di daerah ini malah di mana-mana negeri sekalipun wujud keadaan seperti itu. Perubahan suasana lebih banyak disumbangkan oleh orang luar daripada anak vatan sesuatu tempat tersebut.

Agak sukar juga bagi penulis untuk menentukan sikap dan corak berfikir kaum wanita Adat Perpatih ini dari sudut menerima perubahan. Apa yang jelas ialah mereka mengalami arus perubahan yang lebih tertumpu dalam sudut kebendaan atau maddi seperti juga wanita di tempat lain.

Kesedaran generasi pelajar khususnya di institusi pengajian tinggi sedikit sebanyak telah memberi nafas baru kepada gerakan Islam khususnya di Negeri Sembilan. Walaupun bilangan anak-anak tempatan daerah ini amat sedikit yang dapat melanjutkan pelajaran ke universiti, tetapi bilangan yang sedikit ini dibantu pula oleh sebahagian dari mereka yang datang dari berlainan negeri telah meningkatkan kesedaran Islam ke dalam masyarakat di daerah ini bersama jamaah Islam.

Penglibatan generasi muda di dalam menggabungkan diri, memberi sumbangan tenaga, buah fikiran dan kewangsan untuk menggerakkan jamaah Islam terlalu kurang. Jika persatuan belia sendiri menghadapi berbagai masalah untuk menggerakkannya apatah lagi jika organisasi Islam yang diceburi itu terpaksa bergerak di atas usaha sendiri dari semua sudut. Maka tidak mustahil mengapa mereka tidak berminat untuk bergerak aktif atas nama jamaah Islam terutama sekali PAS yang dikatakan terlalu dalf di Negeri Sembilan yang lebih bercorak politik.

2.2.3 Gerak Kerja Beorganisasi / Gerakan Islam

Kecenderungan kaum wanita terhadap aktiviti luaran seperti berpersatuan sama ada melalui program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan mahupun melalui gerakan Islam, memang belum boleh dibanggakan.

Memang dari penjelasan awal lagi dinyatakan bahawa wanita di Daerah Jempol memang tidak terlepas dari suasana cara hidup yang dicorakkan oleh parti politik UMNO itu sendiri. Amat sukar untuk melihat muslimat di daerah ini yang aktif di dalam organisasi Islam seperti PAS atau ABIM.

Dari sudut penglibatan kaum wanita dan kecenderungan mereka atas dasar politik, PAS bukanlah wadah perjuangan mereka. Mereka lebih berminat dengan Pergerakan Wanita UMNO di mana KEMAS merupakan salah satu cabang yang membolehkan mereka bergiat cergas di dalam berpersatuan. Jika dilihat dari aspek sejarah, Negeri Sembilan memang sejak dahulu lagi telah sehati dengan UMNO sebagai parti politik yang mendapat sokongan padu masyarakat.

Latar belakang masyarakat di Daerah Jempol secara realitinya memang tidak dinafikan bahawa wujudnya pengaruh politik di dalam kehidupan mereka. Politik UMNO atau Barisan Nasional adalah merupakan parti alternatif

bagi masyarakat di sini tidak kira di peringkat kanak-kanak atau golongan tua.

Sebenarnya, untuk melihat pengaruh politik pembangkang khususnya PAS berkembang di Daerah Jempol merupakan suatu yang agak sukar untuk diterima oleh masyarakat dan memerlukan masa yang lama untuk merubah mentaliti masyarakat di sini. Segala perkara khususnya yang berkaitan dengan perubahan cara hidup, gerak kerja berpersatuan, aktiviti belia lebih tertumpu kepada usaha yang dilakukan oleh UMNO itu sendiri.

Untuk menilai sejauh mana suburnya gerakan Islam di kalangan wanita Daerah Jempol dan Negeri Sembilan umumnya masih dapat dirasakan banyak kelemahan-kelemahan yang ada. Kesedaran untuk melibatkan diri dengan gerakan Islam khususnya PAS sering disalahtafsirkan oleh mereka yang berfahaman politik menentang PAS. Walaupun dari segi perkembangan gerak kerja melalui jamaah Islam amat lemah sekali, namun usaha untuk menggerakkan masyarakat terhadap kesedaran, tetap ada.

Kaum wanita lebih berminat terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh kerajaan seperti melalui KEMAS adalah disebabkan faktor-faktor berikut:

- i) Ia adalah aktiviti yang sihat sebagai hasrat kerajaan untuk membangunkan masyarakat.

Hasrat murni ini perlu mendapat sambutan

masyarakat khususnya kaum wanita kerana kemudahan telah disediakan. Oleh itu anggota masyarakat perlu taat kepada kerajaan.

- ii) KEMAS telah merancang aktiviti yang terancang untuk semua orang tanpa mengambil kira fahaman politik mereka. Gerakan Islam seperti PAS pula tidak mengambil inisiatif untuk mewujudkan satu alternatif yang lebih baik.
- iii) Pergerakan Wanita UMNO bersifat terbuka iaitu tidak terkawal oleh peraturan agama. Ahli Pergerakan Wanita UMNO bebas bergaul dengan semua orang. Hal ini mendapat sokongan dari pelbagai lapisan masyarakat.
- iv) Badan induk UMNO turut memberi sumbangan yang besar ke atas kesedaran Islam di samping pembangunan material anggota masyarakat. Oleh itu anggota masyarakat tidak perlu mencari satu alternatif lain. Mereka hanya perlu memberikan sokongan atas usaha-usaha kerajaan Barisan yang didokong oleh UMNO.

¹ Temubual dengan beberapa orang penduduk di Kampung Kuala Jempol dan FELDA Serting Dua.

Masalah pengaruh parti pembangkang khususnya PAS bukanlah suatu yang terbesar di daerah ini. Apa yang penting ialah peranan kaum wanita dipertingkatkan dari masa ke semasa melalui pergerakan wanita. Adat Perpatih bukan menjadi penghalang untuk wanita menjadi aktif di luar rumah¹.

Penglibatan muslimat di dalam parti politik PAS untuk jangka masa ini memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh kerana penglibatan mereka bukan setakat untuk membangunkan institusi keluarga semata-mata tetapi perlu menyedarkan masyarakat wanita sekelilingnya khususnya di kalangan wanita UMNO sendiri agar kesedaran dan amalan Islam itu perlu ditangani bukan setakat di dalam hal ehwal kekeluargaan tetapi melibatkan masalah bernegara.

Terdapat jawapan yang tersendiri mengapa kaum wanita di daerah ini kurang menerima Islam seperti yang dibawa oleh PAS. Walaupun pergerakan muslimat ABIM wujud, tetapi keanggotaannya hanya dari kalangan mereka yang berpendidikan sahaja. Sambutan terhadap ABIM adalah terlalu kurang walaupun gerakan ini tidak mendapat tentangan. Aktiviti ABIM lebih menonjol dalam bentuk usrah-usrah yang dihadiri oleh kaum lelaki sahaja manakala usrah muslimat terlalu kurang.

¹ Temubual dengan Dato' Lembaga (Dato' Seri Amar Menter, Luak Jempol, Mohd. Shaar bin Mansor) pada 8hb. Disember 1991.

Pengaruh Al-Arqam juga kurang mendapat tempat di kalangan masyarakat. Kewujudan jamaah Al-Arqam hanya dalam bentuk sebuah dua keluarga yang menjadi anggota Al-Arqam. Gerakan Islam Al-Arqam sebenarnya tidak mendapat tempat di Daerah Jempol.

2.2.4 Masalah Pertubuhan / Badan / Organisasi Islam Setempat

Masih terlalu banyak masalah serta kelemahan gerakan Islam yang didokong oleh kaum wanita di Daerah Jempol ini. Meskipun wujud golongan yang menggerakkan kesedaran masyarakat dari kalangan anggota PAS dan ABIM, namun penglibatan para muslimatnya terlalu kurang.

Kecenderungan kaum wanita terhadap aktiviti berpersatuan memang menimbulkan masalah. Hal ini bukan sahaja dihadapi oleh gerakan Islam seperti PAS malah dialami juga oleh Pergerakan Wanita UMNO. Aktiviti di luar rumah yang dijalankan oleh persatuan-persatuan belia yang ditubuhkan di kampung-kampung dan kawasan penempatan penduduk juga kurang mendapat sambutan dari golongan beliawanis. Ini dinyatakan sendiri oleh Pegawai Belia dan Sukan Daerah Jempol, Encik Johari Hj. Ahmad¹.

¹ Temubual dengan Encik Johari bin Hj. Ahmad, Pegawai Belia dan Sukan Daerah Jempol pada 2hb. Februari 1992.

Masalah Keluarga

Belia merupakan golongan mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Masalah keluarga pasti akan timbul apabila seorang belivaniis itu mendirikan rumah-tangga dan mempunyai anak. Ini akan menyebabkan kaum wanita sentiasa sibuk. Masa mereka lebih banyak ditumpukan kepada kerja-kerja di rumah. Kegiatan di luar rumah kurang diberikan perhatian. Ibu bapa juga kadang-kadang tidak membenarkan mereka bergiat cergas dengan kerja-kerja persatuan. Para remaja hanya digalakkan menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan tugas sekolah.

Faktor Pekerjaan

Ramai kaum wanita khususnya yang berumur antara 18 hingga 25 tahun, bekerja di kilang-kilang. Bagi yang belum berkahwin, kesedaran untuk melibatkan diri dengan aktiviti berpersatuan dianggap sesuatu yang mengongkong hidup mereka. Tahap pendidikan yang mereka perolehi iaitu setakat memiliki Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak menjadikan mereka cukup matang untuk terlibat dengan hal-hal kemasyarakatan. Mereka lebih mengutamakan wang untuk menyara hidup.

Bagi yang telah berumahtangga, sama ada ia bekerja sendiri atau makan gaji, masa untuk aktiviti

luar kurang difikirkan. Selepas waktu bekerja, mereka lebih suka melakukan kerja rumah bersama keluarga daripada turut sama dalam program di luar rumah.

Masalah Kepimpinan

Di peringkat beliauanis Daerah Jempol ini, terlalu kurang tenaga penggerak untuk memberi kesedaran di kalangan wanita. Penonjolan wanita di tahap kepimpinan memang sukar dicari. Ini menimbulkan masalah di kalangan sesama wanita sendiri. Bilangan wanita yang memegang jawatan tinggi dari kalangan mereka yang aktif dalam persatuan adalah terlalu kurang. Aktiviti persatuan lebih banyak ditumpukan untuk kaum lelaki. Dari sudut psikologi, penyertaan sebahagian kaum wanita dalam persatuan di Daerah Jempol ini, telah gagal menjadi contoh untuk diikuti oleh wanita lain.

Para pemegang ijazah institusi pengajian tinggi, khususnya dari kalangan wanita, masih belum mampu untuk menimpin, menggerakkan daya fikir serta menyediakan program untuk kaum wanita. Ringkasnya daya kepimpinan siswazah masih belum mampu merubah wajah masyarakat.

Masalah Kevangan

Masalah kevangen juga merupakan punca kelembapan dan kematian pergerakan belia di kampung-kampung. Untuk

melaksanakan program persatuan, kedudukan kewangan yang kukuh adalah perlu. Ini hanya dapat diperolehi melalui usaha yang bersungguh-sungguh. Dari kalangan belia yang menganggur, mereka lebih suka memikirkan sumber kewangan untuk diri sendiri daripada memikirkan sumber kewangan untuk persatuan.

Beberapa masalah di atas telah menjadi sebab utama mengapa ramai kaum wanita tidak bergiat cergas di dalam persatuan. Untuk menimbulkan kesedaran agar mereka bergiat aktif dalam persatuan, suatu usaha yang berperancangan diperlukan. Daripada masalah yang dikemukakan, hakikat yang perlu diberi perhatian sekarang ialah menyedarkan golongan wanita terhadap pentingnya peranan mereka menggabungkan diri di dalam harakah Islamiah agar penglibatan mereka benar-benar tepat dan sesuai di dalam membangunkan ummah.

Tahap pengetahuan agama di kalangan wanita Daerah Jempol di semua peringkat hanya setakat melaksanakan tuntutan rukun Islam dalam bentuk ibadah khusus tanpa memikirkan soal mengubah, mencorak serta memberi kesedaran Islam sejati kepada anggota masyarakat.